

## **HUBUNGAN MASLAHAH AL-MURSALAH KEPADA PEMBANGUNAN BELIA MUSLIM BERINTEGRITI DI KAWASAN PERUMAHAN : SATU KAJIAN DI TAMAN SENAI UTAMA**

### ***THE RELATIONSHIP OF MASLAHAH AL-MURSALAH MUSLIM YOUTH DEVELOPMENT INTEGRITY AT HOUSING AREA : A STUDY IN TAMAN SENAI UTAMA***

MOHD HUEFIROS EFIZI BIN HUSAIN

Corresponding Author

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia

Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

E-mail : mohdhuefirosefizi@yahoo.com.my

MOHD NASIR BIN ABD MAJID

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia

Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

E-mail : nasirmajid08@usim.edu.my

MUNEER ALI ABDUL RAB

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia

Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

E-mail : muneerali@usim.edu.my

### **ABSTRAK**

*Belia merupakan kumpulan pertengahan di antara kanak-kanak dan dewasa yang telah capai tahap pemikiran untuk mentadbir dan memajukan diri. Peranan belia Muslim dalam masyarakat dan negara telah dilihat sejak zaman para nabi lagi dengan mengemudi pelbagai aspek seperti pendidikan, pimpinan dan perniagaan. Ia bukan hanya menyambung tugas generasi sebelumnya, malah mereka dikatakan punca jatuh bangun sesebuah empayar. Belia Muslim hari ini perlu berani menyusun percaturan serta bijak bertindak agar tidak mandom dan kelihatan terkebelakang berbanding belia Muslim di negara-negara lain walau di mana sahaja mereka berada. Oleh itu, kajian ini bertujuan menghuraikan peranan kawasan perumahan Taman Senai Utama dalam proses membangunkan belia Muslim berintegriti yang cemerlang. Objektif kajian ini meneliti usaha membangunkan belia Muslim yang berintegriti di Taman Senai Utama bersandarkan kepada konsep maslahah al-mursalah. Selain itu, membongkar syarat-syarat maslahah al-mursalah dan kepentingannya terhadap tajuk di atas. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menemui objektif kajian dengan pendekatan kaedah kepustakaan. Hasil penilaian ini mendapati maslahah al-mursalah mempunyai hubungan yang erat dalam membangunkan belia Muslim yang berintegriti di kawasan perumahan Taman Senai Utama dalam bidang pembangunan ilmu, keusahawanan dan interaksi sosial.*

**Kata kunci :** *maslahah al-mursalah, belia Muslim berintegriti, Taman Senai Utama*

## **ABSTRACT**

*Youth is a middle group between children and adults who have achieved the level of thinking to administer and develop themselves. Muslim youths' role in society and the country has been seen since the days of the prophet with leading aspects such as education, leadership and business. It's not only about continuing the work of previous generation, but youths have been claimed as the vicissitudes of empires. Muslim youth today need to develop a bold gamble and act wisely in order not be inactive and backward as compared to Muslim youths in other countries. Therefore, this study aims to describe the role of Taman Senai Utama in the process of developing Muslim youth who possess excellent integrity. The objective of this study examines the efforts to develop the integrity of Muslim youth in Taman Senai Utama based on the concept of *Maslahah al-Mursalah*. In addition, the terms *Maslahah al-Mursalah* and its importance to the title above. This study used qualitative methods specifically, library research study or related literatures. The results of this evaluation found *Maslahah al-Mursalah* has an important contribution in the development of Muslim youth with integrity in Taman Senai Utama.*

**Keywords:** *Maslahah al-Mursalah, Muslim youth's integrity, Taman Senai Utama*

### **Pendahuluan**

Dunia hari ini telah melalui proses modenisasi yang melibatkan setiap sudut kehidupan tidak mengira faktor geografi sesuatu tempat, jenis lapisan masyarakat dan fahaman politik. Ia berlaku kerana kehendak dan keperluan masyarakat untuk mengcapai sebuah kehidupan yang lebih baik dan maju. Belia yang dilengkapi dengan keutuhan jiwa dan semangat yang jitu merupakan kesinambungan agenda dalam membangunkan negara. Namun sesuatu transformasi tidak mampu dicapai jika tidak disandarkan kepada konsep yang ampuh. *Maslahah al-mursalah* melengkapkan ruang yang tiris dalam mencari jawapan kepada persoalan yang tidak ditemui penyelesaiannya secara pasti dalam sumber hukum yang asal seperti al-Quran, sunah dan ijmak.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menyatakan pemahaman konsep *maslahah al-mursalah* dari perspektif ulamak dan melihat sejauh mana hubungan *maslahah al-mursalah* diterapkan dalam usaha membangunkan belia yang berintegriti. Pemilihan Taman Senai Utama untuk kajian ini kerana ia mempunyai ciri-ciri yang boleh mewakili kesemua taman-taman perumahan di Malaysia dengan sejumlah fasiliti yang disediakan dan mampu melahirkan generasi belia Muslim berintegriti di samping berpotensi untuk dikomersialkan dengan prasarana dan infrastruktur yang melengkap antara satu sama lain sebagai contoh Malaysia Maju 2020. Selain itu, pengkaji belum menjumpai kajian-kajian dan hasil penulisan lain sama seperti skop kajian ini.

**Sorotan Kajian : *Maslahah al-Mursalah***  
Kajian (Abdul Hamid Ali Mahmood, 2009) dari An-Najah National University, Palestin dengan tajuk *al-Maslahah al-Mursalah wa Tatbiqatuhu al-Muasarah fi al-Hukm wa an-Nizam al-Siyasah*. Objektif kajian ialah menerangkan syarat-syarat pemimpin untuk mengetuai negara, batasan dan hubungannya dengan konsep *maslahah al-mursalah*. Dari pembacaan, pengkaji mengesan empat syarat utama sebagai seorang pemimpin, pertama ialah baligh dan berakal iaitu bukan dari kalangan kanak-kanak dan gila. Syarat kedua ialah sempurna anggota dan pancaindera; dapat mendengar dengan baik, tajam penglihatan dan pertuturan yang berkesan. Ketiga; seorang pemimpin mesti mempunyai kemahiran asas politik, ketenteraan dan peka terhadap baik dan buruk dalam mengemudi negara. Manakala syarat terakhir ialah mengetahui syariat Islam dan peranan ijтиhad demi memelihara akidah dan akhlak yang baik sesama manusia. Namun, pengkaji belum menjumpai kajian peranan *maslahah al-mursalah* terhadap kemajuan peribadi belia secara khusus. Oleh itu, sumbangan pengkaji di sini ialah menerangkan hubungkait antara *maslahah al-mursalah* dengan pembangunan belia dalam aspek taman perumahan yang terpilih.

Kajian dari (Muhammad Tahsin A'ta Rajb, 2009) dari Universiti Islam Gaza di bawah tajuk *Dawur al-Maslahah al-Mursalah fi Ahkam as-Siyasah as-Syar'iah fi A'hd as-Sohabat Sallaallhu 'Alaihi Wassalam* memperjelaskan kepentingan *al-maslahah* dan aplikasinya dari sudut isu semasa dan melihat kepada pembukaan ruang ijтиhad dari kalangan para sahabat SAW dalam pembinaan hukum yang tidak dijumpai di dalam al-Quran dan sunah. Terdapat pelbagai definisi *maslahah al-mursalah* dalam kalangan ulamak. Ini membuktikan mereka amat menitikberatkan peranan konsep ini kepada pemurnian hukum Islam yang ditinggalkan oleh Rasullah SAW agar berfungsi dan memberi kebaikan kepada umat dan menolak segala

kerosakan. Secara ringkas dalam kitab *al-Mustasfa* mendefinisikannya sebagai *al-istiislah* tanpa diterima secara keseluruhan dan juga penolakannya (al-Ghazali, 1971). Namun, kajian ini memfokuskan peranan *maslahah al-mursalah* di dalam kanvas kemodenan Malaysia hari ini yang menuntut kepada kemajuan peribadi dengan mengangkat martabat belia sebagai penyambung deligasi Islam hari esok di Taman Senai Utama.

Hasil penulisan dari (Abd. Rahman, t.t) dari Kuliah Syariah, Universiti Jordan dengan tajuk *Tatbiqat Muasirah lil Masolih al-Mursalah al-Majal al-Usri* dengan tujuan utama menghuraikan kefahaman *maslahah al-mursalah* yang meliputi syarat-syarat dan kaedah penetapan hukum dan penerapan isu semasa yang disandarkan kepada konsep tersebut. Pengkaji berjaya menyenaraikan syarat-syarat *maslahah al-mursalah* yang perlu ada untuk diaplikasikan untuk membawa kebaikan dan menolak apa jua keburukan serta tidak bertentangan dengan nas-nas syariat Islam terdahulu seperti al-Quran, sunah dan ijmak dan yang terakhir adalah hal-hal yang bersesuaian dan menepati tujuan syarak. Walaubagaimanapun, syarat-syarat yang senaraikan begitu umum dan pengkaji tertarik untuk menghuraikan secara terperinci dengan melihat adakah proses pembinaan belia Muslim berintegriti di kawasan perumahan yang terpilih menepati syarat-syarat tersebut?

Melalui kajian (Megat Ayop, Abd. Halim Ahmad, 2016) yang bertajuk *Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja dalam Organisasi di Malaysia: Satu Tinjauan Umum* menghuraikan kepentingan dalam memperkuuhkan integriti dalam kalangan penjawat awam dan organisasi menerusi aduan oleh masyarakat tentang kualiti perkhidmatan yang diberikan. Jelas di sini, nilai integriti amat bernilai dalam memajukan sesebuah organisasi agar dapat dilihat masyarakat negara ini mampu bersaing dengan dengan negara luar dengan memasukkan nilai tersebut ke dalam peribadi setiap penjawat awam. Antara

usaha yang telah dilaksanakan adalah Dasar Etika Perkhidmatan Awam dan Konsep Perkhidmatan Cemerlang, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Perkhidmatan Awam dan Dasar Bersih, Cekap dan Amanah (Rahman Ismail, 2005). Melalui penelitian, kajian ini hanya menyebut penjawat awam dan organisasi secara rambang tanpa mensasarkan had lapisan umur dalam menentukan masyarakat berintegriti. Oleh yang demikian, kajian ini akan meninjau strategi pembinaan belia Islam yang berintegriti melalui konsep *maslahah al-mursalah* di kawasan perumahan Taman Senai Utama.

Berdasarkan buku Dasar Pembangunan Belia Negara yang digubal pada 1985 oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan dikaji semula pada 1997, telah menghuraikan takrif belia, matlamat, strategi dan pelan tindakan dalam merangka pembangunan belia negara. Menerusi dasar yang ditetapkan ini, ia menjurus kepada strategi dan pelan tindakan dalam pembangunan fungsi belia negara. Antara strategi diperkenalkan ialah pembangunan ilmu, pembentukan sikap, pembangunan kemahiran dan keusahawanan. Antara hasil dasar ini adalah untuk menjadikan belia hari ini sebagai tunggak kepimpinan negara pada masa akan datang dan mengemudi rakyat dengan cara yang sepatutnya dari pelbagai sudut. Namun ia tidak akan berjaya tanpa disusuli dengan langkah permulaan hari ini. Negara perlu menyediakan platform yang baik seperti penganjuran program keilmuan, kemahiran, pembangunan kepimpinan dan menyediakan prasarana yang sesuai. Dari penelitian ini, dasar yang dikemukakan tidak memberi penekanan kepada konsep yang boleh diterapkan dalam pembangunan belia Muslim di kawasan perumahan. Oleh itu, pengkaji akan menghuraikan proses pembangunan belia Muslim di kawasan perumahan Taman Senai Utama dengan pendekatan konsep *maslahah al-mursalah*. Konsep ini bersifat menyeluruh dan meraikan tuntutan masyarakat dalam memberi kesejahteraan semua.

## Tinjauan Konsep dan Skop Kajian

### *Maslahah al-Mursalah*

Menurut Imam ar-Razi (ar-Razi, 2008) *maslahah* berasal dari kata tunggal susunan huruf *sod lam ha* (ص ل ح) dan kata jamak *al-maslih* yang membawa maksud kemaslahatan, kemanfaatan dan kebaikan dan berlawanan dengan maksud kerosakan dan kemudaratian. Firman Allah Taala yang membawa maksud :

“Dan apabila dikatakan kepada mereka “Janganlah kalian membuat kerosakan di muka bumi, mereka menjawab “Sesungguhnya kami orang-orang yang melakukan kebaikan.”.

(Al-Qur'an, Al-Baqarah 2:11)

*Maslahah* menurut Ibnu al-Manzur adalah kemanfaatan, berbeza dengan kerosakan (Ibn Manzur, 1956). Berdasarkan definisi di atas, *maslahah* membawa maksud kebaikan dan kemanfaatan berselisih dengan kata *mafsadah* iaitu kerosakan dan kemudaratian iaitu bercanggah dengan tuntutan syarak.

Manakala *maslahah* menurut istilah menampakkan perbezaan pendirian dari kalangan ulamak namun berpegang kepada satu tujuan iaitu memberi kemanfaatan dan menolak kemudaratian seperti kehendak manusia di muka bumi ini. Imam al-Ghazali menyatakan *maslahah* mestilah berjalan mengikut landasan syariat dan bertujuan membawa kemanfaatan dan menolak kemudaratian yang menjadi sebahagian keperluan manusia. Ia bertujuan memelihara lima keutamaan syarak iaitu agama, akal, jiwa, keturunan dan harta benda (al-Ghazali, 1971).

Begitu juga dengan Imam al-Syatibi memahamkan *maslahah* sebagai tuntutan setiap kejadian di atas muka bumi dengan membawa kemanfaatan dan menolak kemudaratian namun tidak menggunakan akal semata-mata. Ia berdiri di atas prinsip

jika tiada dirakamkan dalam sumber asas al-Quran dan sunah maka ia ditolak (al-Syatibi, 1931). ‘Izz al-Din Abd al-Salam pula mentafsirkan *maslahah* mencakupi *al-khair* (kebaikan), *al-husn* (kebaikan) dan *al-naf*’ (kemanfaatan) (‘Izz al-Din, 1994). Ada pun Najm al-Din al-Tufi memberi definisi *maslahah* melalui dua perkara iaitu ‘urf dan syarak di mana *maslahah* dari sudut ‘urf ialah sebab yang menuju kepada kebaikan dan kemanfaatan. Contohnya mengaut keuntungan dari sumber perniagaan. Sedangkan *maslahah* menurut syarak ialah perkara yang membawa kepada tujuan syarak sama ada dari segi ibadat dan muamalat (at-Tufi 1987, Mustafa Zaid, 1964).

Oleh itu, definisi *maslahah* dari segi istilah di atas memberi gambaran bahawa sesuatu yang tidak disyariatkan menerusi dalil-dalil utama terdahulu malah ia hasil dari ijтиhad para ulamak dengan tujuan memberi kebaikan dan kemanfaatan dan menolak segala kerosakan akan tetapi berlandaskan syariat Islam. Imam al-Ghazali menggariskan panduan kepada *maslahah* dengan memelihara lima keutamaan demi membawa kesejahteraan di muka bumi ini. Justeru *maslahah* memberi gambaran bahawa penyiaran Islam memenuhi setiap ruang kegunaan manusia dan mengikut peredaran masa.

*Maslahah al-mursalah* menurut Imam al-Ghazali disifatkan sebagai dalil yang tidak dinyatakan secara jelas di dalam nas-nas syarak sebelum ini tentang penghujahan dan penerimaannya sebagai sumber peletakan hukum dan tiada juga penolakannya (al-Ghazali, 1971). Ini membuktikan *maslahah al-mursalah* mampu menjadi panduan dalam menyelesaikan hal-hal yang berteraskan syarak yang berlaku walau tiada dalil sahih ke atasnya. Al-Shatibi mengeluarkan tafsiran *maslahah al-mursalah* adalah penetapan *maslahah* yang tiada sandaran kukuh secara khusus mengenai kebolehan dan juga penafian terhadapnya dari sumber hukum terdahulu dan ia mestilah berlandaskan syarak Islam (al-Shatibi,

1931). Justeru, *maslahah al-mursalah* dilihat satu metodologi hukum Islam yang tiada pertentangan ke atasnya dari nas-nas utama bahkan ia menjadi pengantar kepada jawapan kemaslahatan yang timbul. Imam at-Tufi menerangkan *maslahah al-mursalah* adalah dalil yang tidak kelihatan padanya mengikut syarak sama ada ditolak atau diterima bersama (at-Tufi, 1987).

Oleh yang demikian *Maslahah al-mursalah* menjadi sebab untuk mencapai kemanfaatan dan memperoleh kebaikan serta mengenepikan segala kemudaratannya seperti keuntungan yang diraih disebabkan oleh urusan perniagaan. Ini dapat dirumuskan *maslahah al-mursalah* sebagai satu tatacara istinbat hukum melibatkan ibadat dan adat yang memberi kebaikan dan kesejahteraan sekalian manusia dan menolak segala kemudaratannya berteraskan syariat yang tidak dijumpai secara tepat di dalam nas-nas syarak. Ia juga tiada dalil dalam menyatakan penerimaan atau penolakannya secara hakikat kepada penetapan hukum Islam.

Bertepatan dengan tujuan penetapan hukum islam menerusi al-Quran dan sunah dalam memberi kemaslahatan dari pelbagai sudut kehidupan bagi mencapai keharmonian kepada penganut agama Islam melalui hikmah dan *illat* (Ibn Asyur, 2006). Bertepatan dengan firman Allah Taala yang bermaksud :

*“Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.”*

(Al-Qur'an, Al-Baqarah 2: 185)

### **Perbandingan Ulamak Terhadap *Maslahah al-Mursalah***

Seterusnya pengkaji menghuraikan perbandingan mazhab dalam hukum *maslahah al-mursalah* dari ulamak-ulamak yang mempunyai latar belakang kepakaran dalam bidang berkaitan dalam mencari satu

kata putus sama ada *maslahah al-mursalah* boleh diterima atau ditolak. Terdapat perbezaan mazhab dari kalangan para ulamak. Berikut pandangan empat mazhab terhadap *maslahah al-mursalah*.

#### Mazhab Pertama

*Maslahah al-mursalah* menurut jumhur ulamak adalah hujah dan diterima sebagai penetapan hukum. Ia dapat dilihat pada kemaslahatan dunia hari ini yang memerlukan penelitian yang terperinci dan bersesuaian dengan faktor sekeliling serta situasi yang berlaku walaupun tiada dalil khusus berkaitan pensyariatannya sebelum ini. Ulamak yang mewakili mazhab ini ialah imam Hanafi, Maliki, Syafi'e dan Hanbali (As-Syawkanī, 2008).

Ini diperakui oleh Syeikh Abdul Wahab Khallaf bahawa jumhur ulamak berpendapat *maslahah al-mursalah* ialah satu hujah syariat yang diterima dalam pembinaan hukum-hukum syarak selepas tidak dijumpai di dalam mana-mana nas dan ijmak demi memelihara kemaslahatan yang muncul (Khallaf, 2009). Al-Baghdadi juga memberi pandangan ia tidak dinamakan *maslahah al-mursalah* kecuali ia diterima di atas perkara-perkara tertentu dalam memberi manfaat dan menolak segala kemudaratan dan yang paling utama ialah dalil penetapan hukum ke atasnya itu tidak diambil dari nas-nas asal (Az-Zarkasyi, 2008).

Mazhab pertama ini menghuraikan *maslahah al-mursalah* adalah satu cabang penetapan hukum yang baharu muncul dan disepakati oleh jumhur ulamak. Sehubungan itu, syarat yang ditetapkan adalah setiap hukum itu mestilah melihat kemaslahatan itu memberi kebaikan dan menepis segala keburukan di samping belum dijumpai dalil secara jelas dari sumber-sumber perundangan yang sedia ada. Jika terdapat dalil-dalil yang berkaitan, maka ia tidak dinamakan *maslahah al-mursalah*.

#### Mazhab Kedua

*Maslahah al-mursalah* bukan hujah dan tidak diterima sebagai penetapan hukum mengikut sebahagian ulamak. Pendapat dalam mazhab ini berpegang kuat kepada peranan nas-nas terdahulu dalam menyelesaikan segala permasalahan tanpa menerima hukum-hukum baharu yang tidak menggunakan dalil-dalil muktabar. Maka tidak sah penetapan hukum melalui konsep *maslahah al-mursalah* kerana ia bersifat tidak jelas dan tiada hubungan dengan nas-nas asal. Pendirian ini mewakili mazhab az-Zahariah, sebahagian mazhab as-Syafie, sebahagian mazhab al-Maliki seperti al-Amadi dan Ibnu al-Hajib. Al-Amadi berkata para *fujaha*' dari mazhab as-Syafie, al-Hanafi telah bersepakat dan selainnya kepada tidak mengiktiraf *maslahah al-mursalah* dan itu adalah sesuatu ketetapan yang pasti (Al-Amadi, 2010).

Mazhab ini berpendapat al-Quran dan sunah telah cukup sempurna dan mencakupi seluruh aspek tanpa memerlukan dalil dan pegangan lain yang muncul selepas itu dalam penetapan hukum baharu. Setiap yang bercanggah dari sumber nas-nas, mesti ditolak dan tidak diterima di dalam pensyariatan yang sedia ada. Jika diambil sebagai panduan, ia seolah-olah mengingkari al-Quran dan sunah (Khallaf, 2009).

#### Mazhab Ketiga

Pendapat ulamak di dalam mazhab ini mengenai *maslahah al-mursalah* merupakan dalil disepakati syariah Islamiah yang tidak ditemui penerimaan atau penolakannya di dalam mana-mana nas utama perundangan Islam. Penetapannya bertujuan untuk menjaga kemaslahatan agama, jiwa, akal, keturunan atau harta bahkan disyaratkan kepada maksud *maslahah al-mursalah* itu didasari perkara asal yang telah *thabit* iaitu membayangi syariat Islam yang telah ditetapkan sebelum ini (Al-Shawkani, 2008). Ibnu Burhan dari mazhab imam Syafie menjelaskan

*maslahah al-mursalah* ini diterima dan sesuai diambil untuk merealisasikan penetapan hukum kepada isu-isu baharu yang muncul (Al-Ghazali, 1971).

Gambaran di dalam mazhab ini, *maslahah al-mursalah* itu mesti bersumberkan nas-nas syarak dan hukumnya merangkumi pemeliharaan *usul al-khamsah* dengan menampilkan sifat yang bersesuaian menepati *maslahah al-mursalah* di samping bersandarkan pensyariatan terdahulu. Maka ia akan ditentang jika berlawanan dengan ciri-ciri yang dinyatakan. Oleh yang demikian, golongan selain dari imam as-Syafie mensyaratkan mesti merujuk kepada hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Rasullah SAW bersama sebab penetapannya.

#### Mazhab Keempat

Imam al-Ghazali dan al-Baidhawi menetapkan penerimaan *maslahah al-mursalah* berpunca dari *ad-dharuriat*, *al-kulliyat* dan *al-hakikiat*. Jika tiada salah satu maka ia ditolak sebagai *maslahah al-mursalah* (Al-Ghazali, 1971). *Ad-Dharuriat* di sini bermaksud darurat dalam memelihara keutamaan yang lima; agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Manakala *al-kulliyat* melibatkan seluruh muslimin tanpa ada pengkhususan kepada sebahagiannya sahaja.

#### Pendapat yang Disepakati

*Maslahah al-mursalah* menjadi asas yang membawa manfaat dan menolak segala kemudarat yang dalilnya tiada dalam nas-nas utama seperti al-Quransunah dan ijmak. Selain itu, ia berpaksikan kepada prinsip pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta mengikut landas syariat Islam. Rentetan dari permasalahan itu, para ulamak bersepakat *maslahah al-mursalah* diterima dalam penetapan hukum selepas melihat keperluan dan kepentingan umat dalam mencari kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat, mengikut

peredaran masa dan situasi sekeliling yang menuntut pengeluaran hukum baharu yang bersesuaian. Namun disyaratkan *maslahah al-mursalah* tidak ditunjangi hawa nafsu dan emosi kerana khawatir ia akan mencemarkan kesucian agama dan sistem perundangan Islam.

#### Prinsip *Maslahah Al-Mursalah*

*Maslahah al-mursalah* mencetuskan fenomena baharu dalam penetapan hukum dan menjawab segala permasalahan yang muncul bermula di zaman para sahabat selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Para mujtahid berbincang dan mencari kesepakatan apabila tidak menemui sebarang dalil-dalil khusus dari al-Quran, sunah, ijmak dan *qiyas* terhadap permasalahan yang timbul. Ada dalil-dalil yang ditemui bersifat umum. Justeru prinsip-prinsip *maslahah al-mursalah* diperkenalkan supaya umat Islam tidak melampaui batas dalam mengaplikasikannya. Berikut merupakan prinsip-prinsip *maslahah al-mursalah*:

- i. Sesuatu maslahah itu tidak berlawanan dengan nas-nas terutama seperti dari al-Quran, sunah, ijmak dan *qiyas* (Al-Sarakhsi, 1993).
- ii. *Maslahah* yang bersesuaian dengan tujuan syarak untuk diamalkan (Al-Buti, 1973). Sesungguhnya tuntutan tersebut tidak terhad dan dibatasi oleh sesuatu perkara.
- iii. Sesuatu *maslahah* itu tidak berkaitan ibadat tetapi *maslahah al-mursalah* hanya menjurus kepada perihal muamalat dan adat sahaja (Al-Buti, 1973). Ini kerana isu berkaitan ibadat telah dijelaskan secara mendalam di dalam nas-nas terdahulu dan tiada percanggahan terhadap hukum pelaksanaannya.
- iv. Kemaslahatan itu mestilah bersifat hakikat bukan yang diragui.
- v. Ciri-ciri yang perlu ada pada seorang mujtahid adalah memahami konsep *maslahah al-mursalah* dengan jelas dan terperinci dalam mengaplikasikan konsep tersebut kepada pembinaan

hukum baharu yang tiada dalil khusus disebutkan tanpa ditunjangi hawa nafsu semata-mata (Zaid, 2006).

Kesimpulannya *maslahah al-mursalah* merupakan penetapan hukum hasil ijihad ulamak terhadap isu-isu baharu yang muncul selari dengan perkembangan dunia terutamanya selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Selain itu, tidak dijumpai hukum-hukum tersebut di dalam nas-nas terdahulu seperti al-Quran, sunah dan ijmak. Sejarah telah membuktikan bahawa kehadiran *maslahah al-mursalah* ini diperlukan dan ia disepakati oleh jumhur berikutan *ad-dharuriyat* yang timbul. Namun ia bukan *maslahah al-mursalah* jika tidak diiringkan bersama prinsip dan syarat-syarat tertentu agar dapat diaplakisikan bukan dari hasil ijihad mengikut hawa nafsu.

### **Belia Muslim Berintegriti**

Belia muslim berintegriti merupakan sandaran kepada tiga perkataan yang berbeza dan digarapkan di dalam satu istilah supaya ia difahami dengan jelas, pengkaji menghuraikan definisi ketiga-tiga perkataan ini dan sebagai kepentingan memahami skop kajian yang disampaikan. Belia dimaksudkan adalah individu yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun (Kuala Lumpur, 2015). Ia dikategorikan kepada golongan belia remaja yang masih di bangku sekolah, kedua ialah golongan belia di institut pengajian tinggi iaitu lepasan sekolah, kemudian golongan yang diterapkan dengan peluang pekerjaan dalam menimba pengalaman iaitu kumpulan belia awal pekerjaan. Kemudian, golongan belia industri yang sedang memajukan diri dalam bidang berkaitan dan terakhir golongan belia veteran iaitu antara umur 30-40 tahun dengan sasaran meningkatkan kualiti hidup dan mengukuhkan institusi kekeluargaan. Namun terdapat perbezaan antara had umur yang didefinisikan sebagai belia mengikut negara-negara tertentu. Sebagai contoh Brunei dan Australia di antara umur 15 hingga 25 tahun, Thailand dan

New Zealand lingkungan 15 hingga 24 tahun dan Singapura dari umur 15 hingga 29 tahun (United Nation, 1999). Jurang yang dipamerkan menunjukkan perbezaan had umur kategori belia dan tanpa pengiraan khusus di seluruh dunia. Had umur kategori ini bukanlah kayu pengukur dalam melestarikan sesuatu pekerjaan dan jenis tanggungjawab namun lebih kepada kesedaran individu mahupun komuniti untuk meraih kecemerlangan dan transformasi diri. Jelas di sini, belia bukan sahaja berperanan sebagai kesinambungan generasi terdahulu malah belia mesti bijak mengatur langkah dan percaturan pada hari ini dalam menjamin kelangsungan hidup yang sejahtera.

Manakala definisi Muslim pula berasal dari kalimah *aslama-yuslimu-islaman* yang bermaksud pengikut agama suci Islam. Islam pula merupakan agama suci Allah yang menjangkaui pemikiran, keturunan dan peredaran zaman. Ia juga merupakan satu mukjizat yang mesti dipelihara dan dipatuhi dalam setiap ibadat dan *amar ma’aruf nahi mungkar* demi kesejahteraan dunia. Secara umum, Muslim meliputi seluruh umat yang menganuti agama Islam yang diturunkan kepada semua nabi. Jika ditafsirkan secara khusus, ia terdiri dari umat yang memeluk agama Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW (Syarif Hidayatullah, 1992). Muslim yang sempurna memiliki ciri-ciri menghayati makna iman mencakupi keenam-enam rukun Iman. Manakala Islam pula melalui tuntutan rukun Islam dan Ihsan melibatkan gerak geri dalam mengharapkan reda Allah Taala dengan sepenuh jiwa raga.

Integriti pula mengikut Kamus Dewan ialah kejujuran dan ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan (Kamus Dewan, 2005). Definisi integriti itu diuji dengan sejauhmana individu atau organisasi dapat mempersempahkan sesuatu perkara dengan saksama dan menyeluruh. Integriti juga dirujuk kepada pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh beserta komitmen menyeluruh kepada nilai-nilai murni secara berterusan

melibatkan perkataan dan perbuatan untuk mengecap kejayaan peribadi dan apa jua institusi yang berkenaan (Jamiah Manap, 2005). Nilai-nilai murni yang dipamerkan merangkumi nilai-nilai kemanusiaan yang terpuji seperti ikhlas, jujur dan amanah yang mampu memberi kesan kepada tindakan kerana prinsip integriti itu mempunyai hubungkait dengan pembinaan dan pengukuhan etika dalam kehidupan yang cemerlang (Mahathir Mohamed, 1998).

Ironinya, belia Muslim berintegriti membawa maksud satu golongan atau kumpulan beragama Islam yang berada di dalam fasa merencana dan memulakan sesuatu tindakan tersebut dengan tekad untuk meraih kejayaan dan kecemerlangan diri. Justeru, ia bertujuan memajukan institusi dan negara mengikut cara tersendiri dengan berbekalkan pendirian yang teguh, keazaman berterusan dan hati yang luhur.

### **Taman Senai Utama**

Taman Senai Utama merupakan sebuah kawasan perumahan yang terletak di pinggir bandaraya Johor Bahru, di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Kulai. Lokasi kawasan perumahan yang mula dibuka sejak tahun 1997 ini cukup strategik kerana berada ditengah-tengah antara daerah Kulai dan Skudai di samping berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai. Ia seperti kebanyakan taman-taman perumahan yang lain, dianggarkan mempunyai rumah 2500 unit dan purata lima orang setiap isi rumah selain memiliki kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan. Seiring dengan perkembangan dalam sudut ekonomi dan teknologi, Taman Senai Utama turut mengalami perubahan sosial yang rancak melibatkan pelbagai lapisan umur masyarakat berbanding dahulu. Tidak keterlaluan jika dikatakan Taman Senai Utama menjadi tumpuan dan tarikan utama dari penduduk sekitar daerah Senai berikutan faktor-faktor pertumbuhan beberapa institusi kemasyarakatan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data dan bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena persoalan kajian. Kajian kualitatif ini juga bertujuan menilai hubungan *maslahah al-mursalah* yang mampu diterapkan dalam pembangunan belia Muslim yang berintegriti di kawasan perumahan Taman Senai Utama.

Metod pengumpulan data dalam kajian ini ialah kajian perpustakaan (*library research*). Pengkaji memperoleh asas teori kajian dari penulisan dan dokumen bermulih yang dapat memberi keterangan yang kemudiannya digunakan sebagai bukti yang sahih tentang suatu kenyataan. Ini merangkumi sumber-sumber dalam bentuk dalil dari al-Quran, hadis, buku-buku, jurnal, disertasi, prosiding seminar, kertas kerja dan laman sesawang. Data yang diperolehi dihimpun, dikaji dan dijadikan panduan dalam mengenalpasti hubungan konsep *maslahah al-mursalah* dalam pembinaan belia Muslim berintegriti di kawasan perumahan Taman Senai Utama. Pengkaji menggunakan metodologi kualitatif dengan menganalisis data (*content analysis*) iaitu penilaian mutu dan kesahihan data tersebut. Metodologi ini adalah satu kaedah untuk menganalisa data yang berhasil melalui teori-teori dan pemikiran yang ada dengan membuat kesimpulan yang bersifat khusus.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Tiga objektif Dasar Perumahan Negara dalam menyediakan sistem perumahan yang berkualiti dan mampu memenuhi keperluan rakyat negara ialah menyediakan jumlah perumahan yang mencukupi bagi kehendak rakyat Malaysia dengan kemudahan lengkap beserta persekitaran yang kondusif. Kedua; meningkatkan keupayaan dan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah dan objektif terakhir ialah menetapkan hala tuju kemampaman sektor perumahan (Kuala Lumpur, 2014)

Menerusi objektif di atas, peranan kawasan perumahan pada zaman kemodenan ini bukan lagi sekadar tempat untuk didiami oleh sekumpulan rakyat malah sebagai satu pusat yang berdaya maju dengan tahap kemudahan sosial yang baik, perkhidmatan asas dan persekitaran yang harmoni. Justeru ia mampu menjadi medium dalam melahirkan generasi berwawasan dan membangunkan belia dalam memacu kecemerlangan negara yang dimahuhan.

Dapatkan kajian diperoleh melalui objektif kajian yang telah dibentuk iaitu mengenalpasti peranan kawasan perumahan Taman Senai Utama dalam membina belia Islam yang berintegriti dengan aplikasi konsep *maslahah al-mursalah*. Oleh itu, pengkaji membahagikan penemuan hasil kajian mengikut bahagian strategi tertentu supaya mudah difahami dan dinilai.

### **Strategi Satu : Pembangunan Ilmu**

Strategi ini menunjukan peningkatan usaha dalam mengembangkan ilmu kepada segenap lapisan umur dan melibatkan pelbagai bidang sebagai tuggak kepada pembangunan belia Muslim. Berikut adalah institusi pendidikan di Taman Senai Utama:

#### i. Sekolah

Taman Senai Utama telah memiliki sebuah sekolah kebangsaan iaitu Sekolah Kebangsaan Senai Utama (SKSU) dan sebuah sekolah agama iaitu Sekolah Agama Senai Utama (SASU). Setakat tahun 2015, anggaran murid SKSU yang memulakan sesi persekolahan pada tahun 2002 seramai 1300 orang. Ia terdiri daripada kanak-kanak yang tinggal di kawasan perumahan ini dan kawasan perumahan di sekitarnya. Manakala guru dalam lingkungan 60 orang. Sekolah Kebangsaan Senai Utama(SKSU) dibina berikutkan kepadatan penduduk yang bertambah seterusnya menunjukan jumlah kanak-kanak yang masih berumur 12 tahun dan ke bawah juga berubah seiring dengan perkembangan tersebut berbanding di awal pembukaan taman perumahan

ini. Pembinaan sekolah oleh kerajaan Malaysia merupakan satu langkah efisien selepas Sekolah Kebangsaan Senai (SKS) yang sebelum ini menjadi tumpuan utama pendidikan rendah di daerah ini dan terletak tidak jauh dari SKSU sudah tidak mampu menampung jumlah pelajar yang sedia ada yang bertambah saban tahun. Sehingga ke hari ini, SKSU mampu menyediakan fasiliti yang lengkap dan memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan mengikut piawaian yang telah ditetapkan bahkan ia menawarkan pelbagai peluang pekerjaan seperti guru, kerani dan peniaga makanan.

Selain itu, terdapat sebahagian dari guru-guru yang berkhidmat di sekolah ini turut menetap di taman perumahan ini dan tidak keterluuan jika dikatakan mereka menjadi tumpuan dan contoh kepada sebahagian penduduk di sini. Terutamanya berkaitan pendidikan dan khidmat masyarakat. Justeru, terbukti dengan penubuhan institusi pendidikan menimbulkan hubungan yang kuat kepada pembangunan belia Muslim berintegriti di taman perumahan ini bersandarkan konsep *maslahah al-mursalah* yang menjadi keperluan di dalam memberi kemanfaatan dan menolak kemudaratian.

#### a. Pondok al-Falah

Pondok al-Falah merupakan satu institusi yang dibina sebagai pusat pembelajaran tambahan melibatkan ilmu-ilmu agama seperti pendidikan al-Quran, bahasa Arab dan fikah dan terletak di dalam kawasan Surau al-Falah, Taman Senai Utama. Pembinaan pondok ini adalah inisiatif salah seorang belia yang berasal dari kawasan perumahan ini dan diasaskan pada tahun 2013 dan mendapat sokongan penuh dari Majlis Agama Islam Johor cawangan Kulai dan Majlis Perbandaran Kulai dalam menyemarakkan budaya ilmu di kawasan taman perumahan dan mensasarkan penglibatan penduduk. Setelah tiga tahun beroperasi, pondok ini mendapat sambutan penduduk setempat kerana ia berjaya

menarik minat dengan memperkenalkan pelbagai skop ilmu agama dan memberi kesedaran bahawa ilmu itu mesti ditutut, bahkan tiada had umur untuk belajar di pondok ini. Pondok al-Falah ini tidak mensasarkan kepada kanak-kanak sahaja, malah terbuka kepada belia dan orang dewasa. Pondok al-Falah ini turut dijadikan sebagai medan aktiviti mingguan dalam mengeratkan hubungan silaturahim seperti usrah dan lain-lain.

Kita dapat saksikan bahawa idea dan usaha belia Muslim dalam penubuhan pondok al-Falah di Taman Senai Utama ini berperanan menyalurkan ilmu-ilmu akhirat seperti akidah, fikah dan sirah nabawiyah agar mampu mendidik jiwa dan memupuk semangat cintakan ilmu dalam kalangan penduduk setempat. Pondok ini bertujuan memberi kemaslahatan pembudayaan ilmu dan kelangsungan pembelajaran tidak formal dan membawa kebaikan dan menepis keburukan serta pemeliharaan akal, jiwa dan harta yang menepati ciri-ciri *maslahah al-mursalah*.

#### b. Institut Teknologi Maju

Keistimewaan Taman Senai Utama berbanding kawasan perumahan lain adalah kewujudan institusi pengajian tinggi. Ini merupakan usaha murni kerajaan Malaysia dalam membangunkan negara dengan menubuhkan Institut Teknologi Maju yang memfokuskan kepada latihan kemahiran dengan menawarkan kursus mekatronik. Institut yang bernaung di bawah Kementerian Sumber Manusia ini dibuka kepada golongan belia yang berpotensi menerajui negara akan datang dalam bidang berkaitan. Hubungan *maslahah al-mursalah* dilihat begitu erat di antara pembangunan belia Muslim berintegriti di kawasan perumahan ini dengan pembinaan beberapa institusi pendidikan. Ia bertepatan dengan objektif iaitu membawa manfaat sebagai tempat berhimpun para intelek dan cendekiawan serta pusat rujukan ilmu dalam bidang berkaitan dengan menyediakan kelengkapan yang sewajarnya seperti bilik

kuliahan yang selesa, perpustakaan dan dewan untuk diadakan aktiviti pelajar. Bahkan ia menghilangkan kemudaratuan yang membelenggu generasi hari ini tanpa hala tuju dalam pendidikan dan terkebelakang dengan tidak mampu melahirkan tenaga pakar yang bakal mengemudi negara sebagai pemimpin berintegriti. Kesadari penubuhan institusi pengajian tinggi ini memberi kesedaran kepentingan menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi meningkat. Seterusnya berperanan besar dalam melahirkan generasi berkepimpinan dan memperkasakan masyarakat demi mencapai kecemerlangan walau ia ditubuhkan di dalam kawasan perumahan berbanding pusat pengajian tinggi yang lain.

#### **Strategi Dua : Pembangunan Kemahiran dan Keusahawanan**

Taman Senai Utama mempunyai sejumlah premis yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan. Ia bukan hanya dikunjungi penduduk setempat, malah menjadi pilihan masyarakat di sekelilingnya. Antaranya Pasar Awam Senai yang terletak dalam kawasan perumahan ini menjadi bukti utama Taman Senai Utama menjadi pusat tumpuan perniagaan. Majoriti peniaga yang berniaga di sini adalah dari kalangan belia Muslim yang menetap di kawasan perumahan ini.

Kawasan perumahan ini juga turut sinonim dengan restoran makanan panas iaitu Restoran Tomyam Ramai-Ramai di kalangan penduduk sekitar Kulai. Restoran yang mempunyai beberapa cawangan di sekitar Senai dan Kulai diusahakan oleh salah seorang belia Taman Senai Utama. Perusahaan yang berbentuk perniagaan francais ini boleh dikategorikan di dalam *maslahah al-mursalah* kerana menepati prinsip-prinsip konsep tersebut di dalam memberi kemaslahatan kepada pemeliharaan tubuh yang sihat melalui penyediaan makanan halal dan bersih, pemeliharaan harta dengan memberi sokongan kepada perusahaan Muslim ini, terbuka kepada

sesiapa sahaja yang ingin menceburkan diri dan ia wajar diperkembangkan. Antara tujuan perusahaan francais ini adalah sebagai bantuan dan pertolongan kepada mereka yang memerlukan untuk menjana pendapatan di dalam perusahaan makanan panas dan terhindar dari gejala yang kurang sihat seperti munciri. Di restoran ini juga mengajar cara pengurusan dan kepimpinan seseorang yang berdisiplin dan bijak dah boleh dijadikan contoh yang berterusan dalam menghasilkan produk berkualiti dan menjamin kemaslahatan penduduk dan menepati konsep kajian ini.

Kenderaan merupakan satu keperluan masyarakat hari ini dengan menghubungkan antara satu tempat ke tempat yang lain dan memenuhi pelbagai hajat yang lain. Justeru, belia di kawasan perumahan ini tidak terlepas membangunkan beberapa buah perusahaan automotif seperti pusat membaiki dan servis kenderaan serta pusat menjual tayar baharu dan terpakai. Ini juga salah satu bentuk pemberian kemaslahatan kepada penduduk yang memerlukan terutamanya kenderaan yang mengalami sebarang kerosakan. Perusahaan ini merupakan usaha yang wajar dilaksanakan secara berterusan agar memperoleh kemanfaatan bersama dan menghindarkan dari sebarang kemudaratannya seperti terpaksa membaiki kenderaan tersebut di premis yang berjauhan dari taman perumahan ini dan pasti melibatkan kos yang tinggi. Ini menepati konsep *maslahah al-mursalah* di dalam memberi kebaikan dan mengelak dari keburukan.

Perusahaan pakaian hari ini menerima maklum balas yang positif sama ada dari pusat membeli belah, mahupun melalui jahitan tangan seperti di Butik Farah. Apa yang menarik, Butik Farah ini turut menganjurkan kelas kemahiran jahitan dan sulaman berjadual. Kelas tersebut terbuka kepada umum terutama kepada golongan belia yang memerlukan nilai tambah dalam diri dan boleh dijadikan kerjaya. Ini membuktikan belia Muslim pada hari ini adalah belia yang berintegriti dengan mempunyai keberanian dan

perancangan strategi yang baik berteraskan konsep *maslahah al-mursalah* dalam pemeliharaan harta dan jiwa dengan semangat berdaya saing untuk meraih kejayaan di dalam bidang perusahaan dan kemahiran. Ia bertujuan menyediakan perkhidmatan pakaian Muslim dan Muslimah yang menepati ciri-ciri menutup aurat yang betul seperti baju, jubah dan tudung di samping menyemarakkan lagi pemilihan pemakaian yang sopan dan bertatasusila. Ia juga memberi kemanfaatan dalam meningkatkan kualiti kehidupan dengan menjalankan perusahaan pakaian ini dan membuktikan Islam itu agama yang memelihara dari keburukan dan cintakan kepada kecantikan.

### **Strategi Tiga : Memupuk Gaya Hidup Sihat dan Interaksi Sosial**

Selari dengan seruan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) untuk mempertingkatkan taraf kesihatan rakyat Malaysia (N.a., 2015), kawasan perumahan juga berperanan dalam menyahut cabaran tersebut dengan menyediakan kemudahan-kemudahan tempat beriadah. Penduduk Taman Senai Utama memiliki gelanggang futsal dan badminton. Ini memberi galakan kepada penduduk tempatan terutamanya dari golongan belia untuk beriadah justeru mengekalkan kesihatan diri dan mengamalkan budaya hidup yang sihat. Dengan adanya kemudahan ini, golongan belia dengan tidak perlu beriadah di luar kawasan perumahan berikutnya kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan. Kemudahan tempat beriadah ini menunjukkan tanggungjawab belia untuk memelihara kemudahan ini dari dimusuhalaku oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Taman Senai Utama turut mempunyai Dewan Raya Senai untuk memudahkan lagi kegiatan sosial dalam kalangan para penduduk seperti majlis kerian dan program kemasyarakatan. Dengan adanya program seumpama ini, tenaga belia amat diperlukan bagi

menjayakan sebarang majlis. Antaranya majlis yang sering diadakan majlis pernikahan, sambutan Hari Raya Aidilfitri dan program-program melibatkan penduduk dengan Majlis Perbandaran Kulai. Malah, dewan ini juga dibuka sewaan kepada umum untuk sebarang majlis. Program-program seperti ini menunjukkan belia Muslim yang berintegriti. Selain itu, penduduk Taman Senai Utama telah menubuhkankan Kelab Belia Senai Utama yang menghimpunkan hampir keseluruhan belia di kawasan perumahan ini sejak tahun 2009. Ia bertujuan memberi galakan kepada belia di sini mengadakan program-program yang berfaedah dan usaha memelihara hubungan silaturahim sesama penduduk sebagai nadi keharmonian di kalangan penduduk di sini. Antara kesan yang dapat dilihat adalah semangat kekitaan dan bukannya menyendiri dari masyarakat.

Selain itu, Taman Senai Utama menjadi lokasi pilihan untuk didirikan beberapa pusat perbankan yang menjadi pilihan iaitu Bank Simpanan Malaysia (BSN) dan Malayan Bank Berhad (Maybank). Kewujudan bank ini untuk menggalakkan dan memudahkan rakyat terutama golongan belia membuat urusan perbankan dan menggalakkan budaya menabung dan membuat perancangan masa hadapan yang lebih tersusun. Ia melibatkan pemeliharaan agama, jiwa dan harta dari sebarang kesulitan yang timbul.

Rasionalnya, penubuhan institusi dan kumpulan belia ini dilihat dari sudut *maslahah al-mursalah* bertujuan mengembangkan minda intelektual, memelihara keharmonian sesama penduduk dan berkepentingan menjaga kesihatan serta membangunkan belia Muslim berintegriti.

## **Penutup**

Belia merupakan kumpulan majoriti rakyat dalam sebuah negara dan fungsi mereka amat penting kepada perlaksanaan kemajuan negara. Tidak keterlaluan golongan belia ini dilabelkan sebagai agen utama dalam membina sebuah masyarakat yang berintegriti dalam pelbagai aspek. Manakala kawasan kediaman pula merupakan aset berharga dalam menyediakan infrastruktur sosial yang selesa dan disenangi. Jika ia memenuhi kriteria yang diperlukan pada masa ini, maka kawasan yang hanya dahulunya disifatkan sebagai tempat kediaman mampu di angkat ke tahap melahirkan generasi yang berfikiran kreatif dan kritis di samping melatih masyarakat yang berkepimpinan. Di samping itu, *maslahah al-mursalah* dijadikan sebagai teras membawa kebaikan dan menghindari dari kerosakan walaupun tiada dalil khusus dalam menetapkan hukum terhadap isu-isu baru. Oleh itu, kajian ini menemukan kaitan yang rapat di antara konsep *maslahah al-mursalah* yang diterapkan kepada usaha membangunkan belia Islam berintegriti di kawasan perumahan Taman Senai Utama.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Al-Amadi, Abu al-Hasan Saeed al-Din Ali bin Abi Ali Bin Muhammad Bin Salim al-Tha’labi al-Amadi, (2010). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut : Maktabah al-Islami.
- Al-Buti, Muhammad Saeid Ramadhan al-Buti. 1973. *Dhawabit al-Maslahah fi al-Syariah al-Islamiyah*. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad. 1971. *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*, Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Khallaf, Abdul Wahab al-Khallaf. 2009. *‘Ilm Usul al-Fiqh*. Maktabah al-Dakwah al-Islamiyah.
- Ar-Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al-Hasan bin al-Husein at-Taimi ar-Razi. 2008. *al-Mahsul fi ‘Ilm al-Usul*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsyi, Ahmad bin Abi Sahl al-Sarakhsyi. 1993. *Usul al-Sarakhsyi*. Beirut : Darul Makrifah.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa al-Lakhmi al-Shatibi, 1931. *al-I’tisam*. Riyadh : Maktabah al-Riyad al-Hadithah.
- Al-Syawkani, Muhammad bin Ali al-Syawkani. 2008. *Irsyad al-Fahul Ila Tahqiq al-Haq Min ‘Ilm al-Usul*.
- At-Tufi, Najamudin Abu ar-Rabi’ Sulaiman bin Abd. Al-Qawiyi bin Abd al-Karim bin Sa’id at-Tufi. 1987. *Syarah Mukhtasar ar-Raudhah*. Beirut : Muassasah al-Rayyan..
- At-Tufi, Najamudin Abu ar-Rabi’ Sulaiman bin Abd. Al-Qawiyi bin Abd al-Karim bin Sa’id at-Tufi. 1998. *Syarah al-Arba’in al-Nawawiyah*. Beirut : Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Zarkasyi, Badr ad-Din al-Zarkasyi. 2008. Kuwait : *Al-Bourhan fi Ulum al-Quran Dar al-Turath*.
- Dasar Pembangunan Belia Negara 1997, Kuala Lumpur. <http://www.ippbm.gov.my/dokumen/DPN.pdf>. Diakses pada 27 Jun 2015. Kuala Lumpur..
- IAIN Syarif Hidayatullah. 1992. *Ensiklopedi Islam Indonesia*. Jakarta, Djambani. hlm. 701.
- Ibn Asyur, Tahir ibn Asyur. 2006. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyah*. Dar Suhnum, Tunis, Kaherah, Dar al-Salam.
- Ibnu Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Makram. 1956. *Lisan al-Arab*. Beirut : Dar al-Fikr.
- ‘Izz al-Din ibn Abd al-Salam. 1994. *Qawa’id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah, Kaherah.
- Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd.Noah,Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatusaadiah. 2005. *Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti*. Prosiding Seminar Kebangsaan Sumber Manusia 2005, Universiti Teknologi Malaysia di Hotel Sofitel,Senai,Johor Bahru.
- Kamus Dewan Edisi keempat. 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,. h. 583.
- Kementerian Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. 2014. *Garis Panduan Perancangan Perumahan; Dasar Perumahan Negara*, Kuala Lumpur. h. 5
- Mahathir Mohamed. 1998. Petikan ucapan semasa melancarkan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia, di Ibu Pejabat BPR Malaysia, Kuala Lumpur pada 8 Januari 1998.
- Mustafa Zaid. 1964. *al-Maslahah fi al-Tasyri’ al-Islamiyy wa Najm al-Din al-Tufi*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- N.a.. 2015. Kertas Strategi 5: Mencapai Akses Sejagat kepada Penjagaan Kesihatan Berkualiti. <http://www.rmk11.epu.gov.my.net.p.3.t.t>.
- Rahman Ismail. 2005. *Malaysia Cemerlang, Gemilang dan Terbilang: Integriti Jadi Agenda PEMIKIR 41*.
- Youth Policy Formulation Manual, United Nation 1999. [http://www.ippbm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=342&lang=bn](http://www.ippbm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=342&lang=bn). Diakses pada 27 Jun 2015.